



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 2

20hb Januari 2011

TAMBAHAN
No. 1

No. 63.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG PEGAWAI-PEGAWAI MASJID NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

3. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah pada 31 Disember 2009 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

ALOR SETAR
Bertarikh 5 September 2010

HALIJAH BINTI HAJI MOHD. DIN
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA Pengerusi dan Seorang
Ahli Lembaga Pengarah

LEMBAGA TABUNG PEGAWAI-PEGAWAI MASJID
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Kami, Y.B. Dato' Seraja Setia, Dato' Wira Haji Rasli bin Basir, D.G.M.K., D.S.D.K., A.M.K., B.C.K., B.P.L. dan Yang Berbahagia Tuan Haji Abd. Jalal bin Abd. Latif, A.M.K., P.C.K., B.K.M., yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Darul Aman, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 16, telah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Lembaga pada 31 Disember 2009 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Lembaga bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Y.B. Dato' Seraja Setia,
Dato' Wira Haji Rasli
bin Basir, D.G.M.K.,
D.S.D.K., A.M.K., B.C.K.,
B.P.L.

Nama: Yang Berbahagia Tuan Haji
Abd. Jalal bin Abd. Latif,
A.M.K., P.C.K., B.K.M.

Jawatan: Pengerusi

Jawatan: Ahli Lembaga

ALOR SETAR, KEDAH

Bertarikh 6 Jun 2010

[PSU(K) 378-1391 Jld. 4; (91) DN-MM(K) 291 Jld. 8]

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG PEGAWAI-PEGAWAI MASJID
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

LEMBAGA TABUNG PEGAWAI-PEGAWAI MASJID
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Saya, Dato' Haji Kharudin bin Zain, D.S.D.K., A.M.K., B.C.K., (K/P 540605-02-5305), sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas rekod perakaunan dan pentadbiran kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Darul Aman dengan sesungguhnya dan ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 16, pada pendapat dan

kepercayaan saya, betul dan saya dengan ini membuat pengakuan yang sesungguhnya dengan sebenarnya mempunyai bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Alor Setar, Kedah pada 6 Jun 2010.

Di hadapan saya,

Mohamad Ismail bin Sheikh Mohamad
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBAGA TABUNG PEGAWAI-PEGAWAI MASJID
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,902,893.40	1,919,928.93
Pelaburan Dalam Saham Siar Harga	4	1,274,121.90	1,274,121.90
		<u>3,177,015.30</u>	<u>3,194,050.83</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	5	24,892.47	28,874.41
Deposit dan Bayaran Terdahulu	6	12,769.08	13,636.47
Simpanan Tetap di Bank Berlesen	7	1,955,307.53	2,200,656.05
Tunai di Bank	8	389,858.61	453,101.87
		<u>2,382,827.69</u>	<u>2,696,268.80</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang dan Penerimaan Terdahulu	9	12,765.00	16,664.09
		<u>12,765.00</u>	<u>16,664.09</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>2,370,062.69</u>	<u>2,679,604.71</u>
		<u>5,547,077.99</u>	<u>5,873,655.54</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

60

[20hb Jan. 2011

	Nota	2009 RM	2008 RM
DIBIAYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG LEMBAGA	10	5,547,077.99	5,873,655.54

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN		
Sumbangan Kerajaan Negeri	336,300.00	382,000.00
Sewa Tanah Bendang	23,469.26	23,469.26
Dividen	7,951.25	81,728.16
Sewa Kedai	153,750.00	121,900.00
Keuntungan dari Pelaburan Al Mudharabah	54,651.48	130,150.91
Keuntungan dari Akaun Simpanan	1,369.40	1,370.40
Keuntungan Takaful	—	193.75
Bantuan Zakat dari Jabatan Zakat	10,000.00	10,000.00
JUMLAH PENDAPATAN	587,491.39	750,812.48

PERBELANJAAN

Alatulis dan Percetakan	5,638.64	1,994.40
Bantuan Fardhu Haji Ke Mekah	66,000.00	12,000.00
Bayaran Penyelenggaraan Jenazah	65,000.00	22,000.00
Bayaran Perakaunan	1,200.00	3,920.00
Belanja Pejabat	1,210.50	738.10
Belanja Perubatan	2,373.35	5,118.55
Bil Air dan Elektrik	—	800.00
Bil Telefon	2,818.75	915.50
Bonus Kakitangan	—	4,083.08
Caj Bank/Buku Cek	2.00	139.08
Cukai Tanah	6,585.80	5,258.40
Cukai Pintu	4,565.24	15,223.50
Derma dan Sumbangan	4,000.00	7,000.00
Duti Setem	—	112.50
Elaun Kehadiran Ahli Lembaga	350.00	775.00
Elaun Perjalanan dan Pengangkutan	382.00	3,150.65
Elaun Tetap ALP	11,450.00	11,700.00
Gaji dan Elaun	65,001.74	53,926.98

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

20hb Jan. 2011]

61

	2009 RM	2008 RM
Hadiah Kematian	207,450.00	48,900.00
Hadiah Persaraan	359,900.00	172,950.00
Hadiah dan Saguhati	11,000.00	—
Insurans (Takaful)	2,478.75	2,353.53
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	7,502.00	6,562.00
Lawatan Sambil Belajar (Umrah)	—	38,550.00
Pelunasan Tanah	467.47	467.47
Penyelenggaraan Rumah Kedai	22,968.00	1,100.00
Penyelenggaraan Pejabat	20,986.00	—
Pembetulan	2,128.00	—
Rosotnilai Pelaburan	—	63,348.15
Sumbangan Persatuan Pegawai Masjid	10,000.00	10,000.00
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	31,130.90	39,716.75
Sewa Mesin Fotostat	990.00	—
Uniform Pegawai Masjid	—	59,760.00
Yuran Audit	2,965.00	2,695.00
Yuran Guaman	—	1,518.00
Yuran Profesional	2,550.00	2,630.00
Yuran Ikhtisas	261.00	—
JUMLAH PERBELANJAAN	(919,355.14)	(599,406.64)
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN DIPINDAH KE AKAUN KUMPULAN WANG LEMBAGA	(331,863.75)	151,405.84

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	Kumpulan Wang RM
Baki Pada 1-1-2008		5,785,881.20
Pelarasan Tahun Lepas	10	(63,631.50)
Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan		151,405.84
Baki Pada 31-12-2008		5,873,655.54
Pelarasan Tahun Lepas	10	5,286.20
Kurangan Pendapatan Dari Perbelanjaan		(331,863.75)
Baki Pada 31-12-2009		5,547,077.99

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebih Pendapatan Dari Perbelanjaan	(331,863.75)	151,405.84
Pelarasan Untuk:		
Pelunasan Tanah	467.47	467.47
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	31,130.90	39,716.75
Dividen	(7,951.25)	(81,728.16)
Keuntungan Dari Pelaburan Al-Mudharabah	(54,651.48)	(130,150.91)
Pelarasan Tahun Lepas Rosotnilai Pelaburan	5,286.20	(63,631.50)
Pelarasan Rosotnilai Pelaburan	—	63,348.15
Pelarasan Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	(7,571.84)	79,480.00
	—	—
(Kerugian)/Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	(365,153.75)	58,907.64
Pengurangan Dalam Deposit dan Bayaran Terdahulu	867.39	130,891.27
Pengurangan Dalam Penghutang	3,981.94	7,132.39
Pengurangan Dalam Pelbagai Pemiutang dan Deposit	(3,899.09)	(9,776.91)
(Pengurangan)/Pertambahan Tunai Daripada Aktiviti Operasi	(364,203.51)	187,154.39
Dividen	7,951.25	81,728.16
Keuntungan Dari Pelaburan Al-Mudharabah	54,651.48	130,150.91
(Pengurangan)/Pertambahan Bersih Tunai Daripada Aktiviti Operasi	(301,600.78)	399,033.46
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Logi dan Peralatan	(6,991.00)	(300,098.50)
Pengurangan Bersih Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan	(6,991.00)	(300,098.50)

	2009 RM	2008 RM
(Pengurangan)/Pertambahan Bersih Dalam Tunai dan Kebersamaan Tunai	(308,591.78)	98,934.96
Tunai dan Kebersamaan Tunai Dibawa Ke Hadapan	2,653,757.92	2,554,822.96
Tunai dan Kebersamaan Tunai Dihantar Ke Hadapan	2,345,166.14	2,653,757.92
ANALISA TUNAI DAN KEBERSAMAAN TUNAI		
Simpanan Tetap Di Bank Berlesen Tunai Di Bank	1,955,307.53	2,200,656.05
	389,858.61	453,101.87
	2,345,166.14	2,653,757.92

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

NOTA 1: MAKLUMAT UMUM

Kegiatan utama Lembaga adalah terlibat dalam bidang memberi hadiah persaraan, hadiah kematian, bantuan fardhu haji dan penyelenggaraan urusan jenazah kepada pegawai-pegawai Masjid.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Lembaga dalam tahun kewangan ini.

Bilangan kakitangan Lembaga pada 31 Disember 2009 adalah 2 orang (2008 : 2 orang).

NOTA 2: POLISI PERAKAUNAN

(a) Asas-asas Perakaunan

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan berasaskan kepada konvensyen kos kelaziman asal dan mematuhi kehendak Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kerosakan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menurut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset sepanjang anggaran jangkamasa hayat berguna hartanah, loji dan peralatan berkenaan.

Kadar susutnilai adalah seperti berikut:

Tanah Pajak	91 tahun
Bangunan Pajak	2%
Bangunan Milik Kekal	2%
Papan Tanda	20%
Peralatan Pejabat	10%
Ubahsuai	2%
Komputer	20%
Perabot dan Kelengkapan	10%

Tanah milik kekal adalah tidak dilunaskan.

(c) Pelaburan

Pelaburan dalam saham siar harga dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosotnilai. Peruntukan rosotnilai dibuat atas pelaburan di mana Pihak Lembaga berpendapat nilai saham telah rosot secara kekal.

(d) Tunai dan Kebersamaan Tunai

Lembaga menggunakan kaedah tidak langsung dalam menyediakan penyata aliran tunai.

Tunai dan kebersamaan tunai merangkumi deposit jangka pendek, tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan pelaburan yang amat cair jangka pendek yang sedia untuk ditukar kepada nilai tunai dengan nyata dan tertakluk kepada perubahan nilai yang tidak ketara.

(e) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai perolehan yang dijangka. Anggaran dibuat bagi penghutang yang meragukan berasaskan semakan semula semua jumlah tertunggak pada akhir tahun. Hutang lapuk dihapuskan pada tahun ia dikenalpasti.

(f) Penurunan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa dinilai semula apabila terdapat tanda-tanda bahawa aset tersebut mungkin mengalami penurunan nilai. Penurunan adalah diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset tersebut dengan amaun perolehan kembali. Amaun perolehan kembali adalah harga jualan bersih aset dan nilai jika digunakan, yang mana lebih besar, yang mana diukur melalui aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan. Amaun perolehan kembali adalah dianggarkan untuk individu aset, atau jika tidak mungkin, untuk unit penjana tunai.

Kerugian pada penurunan nilai adalah dicaj ke dalam penyata pendapatan dengan serta-merta, kecuali aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian penurunan nilai bagi aset yang dinilai semula adalah dianggap sebagai pengurangan penilaian semula yang diiktiraf sebelumnya untuk aset yang sama.

Sebarang kenaikan selepasnya di dalam amaun perolehan kembali bagi aset adalah di ambilkira sebagai terbalikkan dari kerugian penurunan nilai sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset yang menentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) tiada kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf. Terbalikkan tersebut diiktiraf di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta, kecuali aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula. Terbalikkan kerugian penurunan nilai ke atas aset yang dinilai semula adalah dikreditkan terus kepada lebih penilaian semula. Namun, terhad kepada kerugian penurunan nilai ke atas aset yang dinilai semula yang sama yang diiktiraf sebelum ini sebagai belanja di dalam penyata pendapatan, terbalikkan kerugian penurunan nilai tersebut adalah diiktiraf sebagai pendapatan di dalam penyata pendapatan.

(g) Cukai Pendapatan

Tiada cukai pendapatan dan cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata kewangan kerana Lembaga dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

(h) Peruntukan Untuk Liabiliti

Peruntukan untuk liabiliti diiktiraf apabila Lembaga mempunyai kewajipan semasa yang timbul daripada peristiwa lalu dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Ketika mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai terkini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

NOTA 3: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2009	Baki Pada 1-1-2009	Pertambahan	Diklasifikasi Semula	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2009
	RM	RM	RM	RM	
Tanah	648,386.18	—	—	—	648,386.18
Bangunan	1,278,493.00	—	94,648.00	—	1,373,141.00
Papan Tanda	5,070.00	—	—	—	5,070.00
Peralatan Pejabat	9,690.50	298.00	—	—	9,988.50
Komputer	9,776.00	4,489.00	—	—	14,265.00

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

66

[20hb Jan. 2011

2009	Baki Pada 1-1-2009	Pertambahan	Diklasifikasi Semula	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2009
	RM	RM	RM	RM	
Ubahsuai Rumah Kedai	194,953.50	—	—	—	194,953.50
Pendawaian Elektrik	94,648.00	—	—	(94,648.00)	—
Perabot dan Lengkapan	—	2,204.00	—	—	2,204.00
	2,241,017.18	6,991.00	94,648.00	(94,648.00)	2,248,008.18

Susutnilai Terkumpul	Baki Pada 1-1-2009	Pertambahan	Diklasifikasi Semula	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2009
KOS	RM	RM	RM	RM	
Tanah	7,012.07	467.47	—	—	7,479.54
Bangunan	285,276.41	24,675.43	1,892.96	—	311,844.80
Papan Tanda	5,069.00	—	—	—	5,069.00
Peralatan Pejabat	3,462.50	720.80	—	—	4,183.30
Komputer	6,904.40	1,615.20	—	—	8,519.60
Ubahsuai Rumah Kedai	3,899.07	3,899.07	—	—	7,798.14
Pendawaian Elektrik	9,464.80	—	—	(9,464.80)	—
Perabot dan Lengkapan	—	220.40	—	—	220.40
	321,088.25	31,598.37	1,892.96	(9,464.80)	345,114.78

2008	Baki Pada 1-1-2008	Pertambahan	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2008
KOS	RM	RM	RM	RM
Tanah	648,386.18	—	—	648,386.18
Bangunan	1,278,493.00	—	—	1,278,493.00
Papan Tanda	5,070.00	—	—	5,070.00
Peralatan Pejabat	2,780.50	6,910.00	—	9,690.50
Komputer	6,189.00	3,587.00	—	9,776.00
Ubahsuai Rumah Kedai	—	194,953.50	—	194,953.50
Pendawaian Elektrik	—	94,648.00	—	94,648.00
	1,940,918.68	300,098.50	—	2,241,017.18

Susutnilai Terkumpul	Baki Pada 1-1-2008	Pertambahan	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2008
KOS	RM	RM	RM	RM
Tanah	6,544.60	467.47	—	7,012.07
Bangunan	260,600.98	24,675.43	—	285,276.41
Papan Tanda	5,069.00	—	—	5,069.00

Susutnilai Terkumpul	Baki Pada 1-1-2008	Pertambahan	Pengurangan	Baki Pada 31-12-2008
KOS	RM	RM	RM	RM
Peralatan Pejabat	2,502.45	960.05	—	3,462.50
Komputer	6,187.00	717.40	—	6,904.40
Ubahsuai Rumah Kedai	—	3,899.07	—	3,899.07
Pendawaian Elektrik	—	9,464.80	—	9,464.80
	<u>280,904.03</u>	<u>40,184.22</u>	<u>—</u>	<u>321,088.25</u>
Nilai Buku Bersih	Kos Pada 31-12-2009	Susutnilai Terkumpul 31-12-2009	Nilai Buku Bersih 31-12-2009	Nilai Buku Bersih 31-12-2008
KOS	RM	RM	RM	RM
Tanah	648,386.18	7,479.54	640,906.64	641,374.11
Bangunan	1,373,141.00	311,844.80	1,061,296.20	993,216.59
Papan Tanda	5,070.00	5,069.00	1.00	1.00
Peralatan Pejabat	9,988.50	4,183.30	5,805.20	6,228.00
Komputer	14,265.00	8,519.60	5,745.40	2,871.60
Ubahsuai Rumah Kedai	194,953.50	7,798.14	187,155.36	191,054.43
Pendawaian Elektrik	—	—	—	85,183.20
Perabot dan Lengkapan	2,204.00	220.40	1,983.60	—
	<u>2,248,008.18</u>	<u>345,114.78</u>	<u>1,902,893.40</u>	<u>1,919,928.93</u>

Tanah yang dimiliki oleh Lembaga adalah tanah “Hakmilik Orang Melayu”. Senarai tanah adalah seperti berikut:

- (a) SP 23272 Pengkalan Kundur, Kota Setar
- (b) SPK 9435/6 Lot 747/8 Air Puteh, Pendang
- (c) SPK 9437/8 Lot 749/750 Air Puteh, Pendang
- (d) SP 50009 Lot 826 Derga, Kota Setar
- (e) H.S.(M) 93 & 94/1992 Kuah, Langkawi
- (f) H.S.(M) 202/81 Alor Malai, Kota Setar
- (g) H.S.(M) 11 & 12/1994 Pumpong, Kota Setar
- (h) H.S.(M) 699/1986 Derga, Kota Setar (Tanah pajakan 99 tahun)
- (i) H.S.(M) 872 Pulau, Baling
- (j) H.S.(M) 1039 Pulau, Baling

Nota (1) Tanah dan Bangunan adalah diasingkan pada kos menurut nisbah 30 : 70 peratus.

NOTA 4: PELABURAN DALAM SAHAM SIAR HARGA

2009 Kos	Bilangan Unit	Kos RM	Harga Pasaran RM
Amanah Saham (Kos) Kedah Berhad	1,062,500.00		
(Unit Percuma)	1,407,412.03		
Jumlah Unit	2,469,912.03	1,062,500.00	600,188.62
CIMB Islamic Structured Growth Fund.	1,600,000.00	800,000.00	794,560.00
Saham IOI Corporation (Kos) Berhad	20,000.00		
(Unit Percuma)	75,000.00		
	95,000.00	20,000.00	519,650.00
		1,882,500.00	1,914,398.62
Tolak: Peruntukan Rosotnilai			
Amanah Saham Kedah Berhad		608,378.10	
CIMB Islamic Structure Growth Fund.		—	
Saham IOI Corporation Berhad		—	
		(608,378.10)	
Baki Selepas Rosotnilai			
Amanah Saham Kedah		454,121.90	
CIMB Islamic Structure Growth Fund.		800,000.00	
Saham IOI Corporation Berhad		20,000.00	
		1,274,121.90	
2008 Kos	Bilangan Unit	Kos RM	Harga Pasaran RM
Amanah Saham (Kos) Kedah Berhad	1,062,500.00		
(Unit Percuma)	1,283,170.98		
Jumlah Unit	2,345,670.98	1,062,500.00	454,121.90
CIMB Islamic Structured Growth Fund.	1,600,000.00	800,000.00	771,200.00
Saham IOI Corporation Berhad	20,000.00	20,000.00	71,200.00
		1,882,500.00	1,296,521.90

2008 Kos	Bilangan Unit	Kos RM	Harga Pasaran RM
Tolak: Peruntukan Rosotnilai			
Amanah Saham Kedah Berhad		608,378.10	
CIMB Islamic Structure Growth Fund.		—	
Saham IOI Corporation Berhad		—	
		(608,378.10)	
Baki Selepas Rosotnilai			
Amanah Saham Kedah		454,121.90	
CIMB Islamic Structure Growth Fund.		800,000.00	
Saham IOI Corporation Berhad		20,000.00	
		1,274,121.90	

NOTA 5: PENGHUTANG

	2009 RM	2008 RM
Abdul Ghani bin Awang	446.00	446.00
Ahmad bin Hashim	772.00	772.00
Norasyikin binti Razali @ Shaari	2,319.00	1,546.00
Che Me bin Wan Teh	1,535.35	1,535.35
Faisol bin Harun	820.12	410.06
Hawa binti Hasan	2,453.00	2,453.00
Hashim bin Salleh	1,207.00	1,207.00
Dobi Arssila (Hasnah binti Puteh)	2,400.00	4,800.00
Mohd. Noh bin Mat	—	675.00
Pasar Mini Amilda	1,600.00	2,000.00
Perniagaan Gunung Tengah	5,900.00	7,500.00
Pergerakan Pemuda UMNO Baling	1,500.00	3,000.00
Spektrum Mahir Sdn. Bhd.	—	1,500.00
Rafidah binti Ahmad (Kelas Tuisyen)	3,600.00	—
Suhaizan bin Halim	340.00	680.00
Suasana Holidays Sdn. Bhd.	—	350.00
Batik Kedah*	20,375.00	20,375.00
Batik Kedah (Persatuan Pegawai- Pegawai Masjid)*	39,000.00	39,000.00
Bayu Sutera Enterprise*	36,000.00	36,000.00
Bumijati Setia Enterprise*	3,750.00	3,750.00

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

70

[20hb Jan. 2011

	2009 RM	2008 RM
Himpunan Tangkas Sdn. Bhd.*	2,400.00	2,400.00
Lasakemas Elektrik Sdn. Bhd.*	9,800.00	9,800.00
Lodden Trading Sdn. Bhd.*	39,100.00	39,100.00
Toko Rs Vicotama*	4,924.00	4,924.00
	<u>180,241.47</u>	<u>184,223.41</u>
Tolak: Peruntukan Hutang Lapuk*	(155,349.00)	(155,349.00)
	<u>24,892.47</u>	<u>28,874.41</u>

NOTA 6: DEPOSIT DAN BAYARAN
TERDAHULU

Insurans Terdahulu	705.08	722.97
Cukai Boleh Pulih (Dividen)	11,064.00	11,064.00
Deposit—Mesin Fotostat	1,000.00	—
Deposit—Elektrik dan Air Langkawi	—	1,849.50
	<u>12,769.08</u>	<u>13,636.47</u>

NOTA 7: SIMPANAN TETAP DI BANK
BERLESEN

Bank Kerjasama Rakyat, Alor Setar	326,649.50	315,948.39
Bank Kerjasama Rakyat, Mergong	202,877.30	196,061.50
Bank Islam Malaysia Berhad, Alor Setar	470,350.30	456,283.24
Bank Muamalat, Alor Setar	850,780.21	1,131,326.98
Malayan Banking Berhad, Alor Setar	104,650.22	101,035.94
	<u>1,955,307.53</u>	<u>2,200,656.05</u>

NOTA 8: TUNAI DI BANK

Bank Muamalat, Alor Setar	<u>389,858.61</u>	<u>453,101.87</u>
---------------------------	-------------------	-------------------

NOTA 9: PELBAGAI PEMIUTANG
DAN PENERIMAAN
TERDAHULU

	2009 RM	2008 RM
Deposit Air dan Elektrik	1,750.00	1,200.00
Deposit Pasar Mini Amilda	1,300.00	1,300.00
Deposit Perniagaan Gunung Tengah	600.00	600.00
Deposit Puan Hasnah binti Puteh	800.00	800.00
Deposit Spektrum Mahir	—	600.00
Deposit Suasana Holidays Sdn. Bhd.	1,050.00	1,050.00
Deposit Bayu Hill Park	1,600.00	1,600.00
Deposit Matrix Secretarial Services	—	300.00
Deposit Rafidah binti Ahmad	800.00	—
Deposit Qarisma Silks & Beauty House	700.00	—
Gaji Puan Noriza—November 2008	—	3,719.09
Yuran Audit	2,965.00	2,695.00
Yuran Perakaunan	1,200.00	1,800.00
Yuran Profesional	—	1,000.00
	12,765.00	16,664.09

NOTA 10: KUMPULAN WANG
LEMBAGA

Baki Pada 1 Januari	5,873,655.54	5,785,881.20
Tolak: Pelarasan Tahun Lepas		
Pelarasan — Belanja Susutnilai 2008 Pendawaian Elektrik Terlebih Catat	7,571.84	—
— Insurans Terdahulu Terlebih Catat	(17.89)	—
— Bayaran Yuran Audit Terkurang Catat	(418.25)	—
— Bayaran Penyelenggaraan Jenazah	—	(1,000.00)

	2009 RM	2008 RM
— Bayaran Deposit Air	(1,849.50)	(370.70)
— Bayaran KWSP Caruman Dis. 2007 (Majikan dan Pekerja)	—	(167.00)
— Pulangan Wang KWSP	—	80.00
— Lebihan Wang Pegawai-pegawai Masjid Di Pindah Ke Pelbagai Pendapatan	—	16,500.00
— Bayaran Sewa Tertunggak Dari TNB	—	806.65
— Rosotnilai Pelaburan	—	(79,480.00)
— Sewa Bendang Terlebih Catat	—	(0.45)
	5,286.20	(63,631.50)
Seperti Dinyatakan Semula	5,878,941.74	5,722,249.70
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan dari Perbelanjaan	(331,863.75)	151,405.84
Baki Pada 31 Disember	5,547,077.99	5,873,655.54

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 64.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

(Section 27)

NOTICE OF ENQUIRY

Satu siasatan akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Negeri pada hari Rabu bersamaan 26 Januari 2011 pada jam 10.30 pagi berkenaan dengan perkara yang berikut:

Cadangan untuk Membatalkan *Warta* Tanah Kerajaan seperti dalam Jadual di bawah ini mengikut seksyen 64 Kanun Tanah Negara.

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan itu dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Sesiapa jua orang itu boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Sesiapa jua orang itu boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, supaya siasatan itu boleh ditempohkan atau supaya tempat siasatan itu diubah dengan menyatakan:

- (a) sebab-sebab penempohan atau perubahan itu diminta; dan
- (b) jenis dan isi keterangan yang dicadangkan hendaklah diberi atau dikemukakan olehnya.

An enquiry will be held at Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Negeri on Wednesday the 26 of January 2011 at 10.30 a.m. in respect of the following matter:

Proposal to Revoke the Government Land Gazetted Described in the Schedule below *vide* section 64 of the Nasional Land Code.

Any person who has any interest in this matter or wishes to make any claim, objection or other submission should attend at the place at the time specified and be prepared to give oral evidence he may possess.

Any such person may be assisted at the enquiry by an advocated and solicitor.

Any such person may, by registered letter, apply for postponement or for a change of venue, stating:

- (a) the person for which such postponement or change is sought; and
- (b) the nature and substance of the evidence which he proposes to give or adduce.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bandar Alor Setar. Daerah—Kota Setar. Lot—5690. Keluasan—62,754 meter persegi (15.506836 ekar). Syarat—Tapak Kompleks Sukan. Pengawal—Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Bertarikh 15 Disember 2010

Dated 15 December 2010

[PSU(K) 946-1379 Jld. 141; PTG/Ked./K/185/2009/02 (Kes 3/2010)]

HAJI MD. ZUKI BIN HAJI SIRU
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian I
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Kedah

No. 65.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

(Section 27)

NOTICE OF ENQUIRY

Satu siasatan akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Negeri pada hari Rabu bersamaan 26 Januari 2011 pada jam 10.30 pagi berkenaan dengan perkara yang berikut:

Cadangan untuk Membatalkan Sijil Simpanan seperti dalam Jadual di bawah ini mengikut seksyen 64 Kanun Tanah Negara.

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan itu dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Sesiapa jua orang itu boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Sesiapa jua orang itu boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, supaya siasatan itu boleh ditempohkan atau supaya tempat siasatan itu diubah dengan menyatakan:

- (a) sebab-sebab penempohan atau perubahan itu diminta; dan
- (b) jenis dan isi keterangan yang dicadangkan hendaklah diberi atau dikemukakan olehnya.

An enquiry will be held at Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Negeri on Wednesday the 26 of January 2011 at 10.30 a.m. in respect of the following matter:

Proposal to Revoke Reserved Land Described in the Schedule below *vide* section 64 of the Nasional Land Code.

Any person who has any interest in this matter or wishes to make any claim, objection or other submission should attend at the place at the time specified and be prepared to give oral evidence he may possess.

Any such person may be assisted at the enquiry by an advocated and solicitor.

Any such person may, by registered letter, apply for postponement or for a change of venue, stating:

- (a) the person for which such postponement or change is sought; and
- (b) the nature and substance of the evidence which he proposes to give or adduce.

JADUAL/SCHEDULE

SENARAI PERMOHONAN TANAH R.C. BAGI MAKSUD TAPAK RUMAH PAM DAN TANGKI AIR SYARIKAT AIR DARUL AMAN OLEH STATE SECRETARY INCORPORATED (SSI)

Bil.	Rumah Pam dan Tangki Air	Kawasan	Mukim	Daerah	Lot	Luas Tanah (m.p.)	Jenis Kegunaan Tanah	Syarat Nyata	Nilaian Semasa (RM)	Dalam/Luar Simpanan Melayu	Tanah Desa/ Bandar	Tanah Kerajaan/ RC	Tuan Tanah	Catatan
1.	Charok Kelian	Charok Kelian	Bagan Samak	Bandar Baharu	1122	3,316	Industri	Tangki Air	3.00	D.S.M.	Tanah Desa	R.C. 4/1966	Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	
2.	Sungai Taka B	Sungai Taka	Sungai Batu	Bandar Baharu	1833	2,021	Industri	Tangki Air	3.00	D.S.M.	Tanah Desa	R.C. 5/1965	Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	
3.	Parit Nibong	Parit Nibong	Bagan Samak	Bandar Baharu	185	16,138	Industri	Rumah Pam dan Tangki Air	3.00	D.S.M.	Tanah Desa	R.C. 90	Jurutera Negeri Kedah	
4.	Pekan Padang Serai	Pekan Padang Serai	Naga Lilit	Kulim	775	12,016	Industri	Tangki Air	8.00	D.S.M.	Tanah Bandar	R.C. 134	Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	
5.	Bukit Awi A	Bukit Awi	Bandar Kulim	Kulim	18 Sek. 3 4	6,639	Industri	Tangki Air		D.S.M.	Tanah Bandar	R.C. 122	The State Engineer of Kedah	

Bil.	Rumah Pam dan Tangki Air	Kawasan	Mukim	Daerah	Lot	Luas Tanah (m.p.)	Jenis Kegunaan Tanah	Syarat Nyata	Nilaian Semasa (RM)	Dalam/Luar Simpanan Melayu	Tanah Desa/ Bandar	Tanah Kerajaan/ RC	Tuan Tanah	Catatan
6.	Bukit Pinang	Kampung Charok Air Pasang	Bukit Pinang	Kota Setar	Plot 1 532 801 872 946 1501	Plot 1 68, 560	Industri	Tapak Loji Air	6.00	D.S.M.	Tanah Pekan	R.C. 527/60 557/69	State Engineer Kedah	
					Plot 2 767 531 534 633	Plot 2 221, 368								

Bertarikh 15 Disember 2010

Dated 15 December 2010

[PSU(K) 946-1379 Jld. 141; PTG/Ked./K/411/2010/01 (Kes. 4/2010)]

HAJI MD. ZUKI BIN HAJI SIRU
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian I
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Kedah

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua, daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
 CAWANGAN ALOR SETAR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA